

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM TERUSKAN BANTUAN PEMBAYARAN SEMULA BERSASAR DIPERTINGKATKAN**

*Tambahan tiga bulan penangguhan pembiayaan dan lanjutan pengurangan  
bayaran ansuran*

**KUALA LUMPUR, Ahad, [16 Mei 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") akan meneruskan Bantuan Pembayaran Semula Bersasar Dipertingkatkan ("ETRA") untuk para pelanggan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Langkah ini selari dengan seruan Bank Negara Malaysia ("BNM") kepada institusi perbankan dan kewangan untuk membantu peminjam mengikut keadaan kewangan masing-masing, berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") di seluruh negara.

Selaras dengan Bantuan Pembayaran Bersasar ("TRA") sedia ada yang ditawarkan mengikut kelayakan pelanggan, Bank Islam kini menawarkan pelanggan di bawah bantuan moratorium, tambahan tiga (3) bulan penangguhan ansuran pembiayaan mereka. Manakala pelanggan yang sebelum ini memilih untuk mengurangkan bayaran ansuran pembiayaan, mereka layak untuk menerima lanjutan tempoh bayaran selama enam (6) bulan dengan keperluan dokumentasi yang lebih ringkas.

Bank turut memberi jaminan bahawa bantuan kewangan akan kekal tersedia, termasuk dan tidak terhad kepada hanya TRA, tetapi turut meliputi bantuan jangka panjang lain seperti pakej Penjadualan dan Penstrukturan Semula. Bantuan turut tersedia kepada pelanggan daripada pelbagai kumpulan pendapatan, perniagaan mikro dan pelanggan terjejas ekoran pelaksanaan PKP terbaharu ini.

Susulan kenyataan yang dikeluarkan BNM dan Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia ("AIBIM") pada 12 Mei lalu, Bank Islam menyeru para pelanggan yang sebelum ini telah menerima bantuan pembayaran bersasar tetapi masih memerlukan bantuan kewangan untuk menghubungi pihak Bank.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Peningkatan kes COVID-19 di seluruh negara yang semakin membimbangkan telah memaksa Kerajaan untuk menguatkuasakan PKP 3.0. Sungguhpun kami faham kepentingan mengekang penularan virus ini, kami juga amat peka akan kesan langkah tersebut terhadap keadaan kewangan pelanggan. Justeru, Bank Islam mengambil langkah proaktif ini untuk memelihara kesejahteraan mereka."

"Sejak bermulanya wabak COVID-19 ini, pihak Bank telah menawarkan beberapa pilihan untuk membantu mengurangkan beban kewangan pelanggan. Bank Islam sedar bahawa pandemik ini menyebabkan keadaan tidak menentu dan kami menggalakkan pelanggan untuk sentiasa membuat penilaian terhadap keadaan kewangan mereka. Dari peringkat awal lagi, mesej kami adalah jelas: BANK ISLAM SENTIASA BERSEDIA UNTUK MEMBANTU. Sekiranya pelanggan memerlukan bantuan, hubungi kami dan kami menyediakan penyelesaian kewangan terbaik untuk membantu mereka mendepani masa yang sukar ini," tambah Muazzam.

ETRA Bank Islam telah diumumkan pada 23 November 2020 untuk membantu pelanggan yang memerlukan penangguhan bayaran selama tiga (3) bulan atau pengurangan ansuran bulanan sehingga 50% bagi tempoh enam (6) bulan. Bantuan kewangan ini ditawarkan untuk semua pembiayaan yang diluluskan sebelum 1 Oktober 2020 dan tidak tertunggak lebih dari 90 hari semasa permohonan dibuat. Sebelum ini, Bank Islam telah mengumumkan permohonan ETRA akan ditutup pada akhir Jun 2021.

Untuk mendapatkan borang permohonan, sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan bantuan pascamoratorium Bank Islam, pelanggan boleh melayari laman web kami di [www.bankislam.com/covid-19](http://www.bankislam.com/covid-19). Pelanggan juga boleh memohon dengan mengimbas kod QR di bawah atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.



---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---	---